

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[IMPLEMENTATION OF HAJJ IN PRE-ISLAMIC TIMES (JAHILIYAH) IN A HISTORICAL PERSPECTIVE]

PELAKSANAAN IBADAH HAJI DI ZAMAN PRA ISLAM (JAHILIYAH) DALAM PERSPEKTIF SEJARAH

RIZALMAN MUHAMMAD¹
ISHAK SULIAMAN^{2*}

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak Darul Ridzuan

²Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

*Corresponding author: ishakhs@um.edu.my

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 August 2015

Abstract

The first pilgrimage undertaken by the prophet Ibrahim is at 20 centuries before Christ was mingled and infused with polytheism and idolatry before sent Prophet Muhammad. Therefore, it causes people do not know the actual pilgrimage. Arab peninsula residents who claim to profess the religion of Allah S.W.T. brought by prophet Ibrahim has forgotten the true religion. While Arab society has abandoned the teachings of Abraham, but they still respect the Kaaba and perform tawaf, hajj and umrah, standing at Arafah, staying overnight in Muzdalifah and perform the ritual sacrifice.

Keywords: Pilgrimage, Pre Islam, Jahiliah, History Perspective

Abstrak

Ibadat haji yang pertama dilaksanakan oleh nabi Ibrahim ialah pada 20 kurun sebelum Masihi telah dicampur-aduk dan disebatkan dengan kesyirikan dan keberhalaan sebelum diutuskan Nabi Muhammad. Justeru itu, ia mengakibatkan manusia tidak mengetahui ibadah haji yang sebenar. Penduduk semenanjung Arab yang mendakwa menganut agama Allah s.w.t. yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. telah melupai agama tauhid yang sebenarnya. Walaupun masyarakat Arab sudah meninggalkan ajaran sebenar Nabi Ibrahim a.s., namun mereka masih menghormati Kaabah dan melakukan tawaf, menunaikan haji dan umrah, wuquf di Arafah, bermalam di Muzdalifah, melakukan ibadah korban. Namun ibadah yang mereka lakukan adalah rekaan terhadap agama hasil dari campur aduk dengan adat resam dan hawa nafsu.

Kata kunci: Haji, Pra Islam, Jahiliah, Perspektif Sejarah

Cite as: Rizalman Muhammad & Ishak Sulaiman. 2015. Pelaksanaan Ibadah Haji di Zaman Pra Islam (Jahiliyah) dalam Perspektif Sejarah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 11(1): 110-124

PENGENALAN

Jahiliyah berasal daripada perkataan Jahl yang memberi maksud perihal masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam yang jahil tentang Allah S.W.T., Rasul, syariat, berbangga dengan keturunan dengan penuh kesombongan dan keangkuhan dan sebagainya (Ibn Manzur n.d.). Ia merupakan satu fasa sejarah yang gelap dan tidak ada petunjuk keimanan serta sesat dan menyeleweng dari manhaj agama. Jahiliyyah adalah satu episod sejarah yang penuh kekacauan, kelam kabut dari segi akidah dan sistem sosial. Al-Nadwi (1977) menggambarkan zaman Jahiliyyah itu ialah manusia yang telah lupa kepada Tuhannya, lalu mereka lupa diri sendiri, hilang kebijaksanaan untuk membezakan antara baik dengan yang buruk. Ajaran Nabi telah dilupakan sehingga cahaya panduan yang telah dinyalakan oleh para Anbiya' terpadam. Cahayanya menjadi amat lemah serta tidak mampu menerangi hati-hati individu, apalagi untuk menerangi rumah mahupun negara.

Penduduk semenanjung Arab dahulunya (sebelum diutuskan Nabi Muhammad) menganut agama Allah S.W.T. yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. dan Isma`il a.s. Tetapi setelah berlalu masa yang lama, mereka menjadi sesat lalu menyembah berhala yang dipahat dan diukir oleh tangan mereka sendiri. Meskipun tiap-tiap tahun mereka mengerjakan haji yang disunnahkan oleh Nabi Ibrahim a.s., tetapi mereka melupai agama tauhid yang sebenarnya sehingga menyebabkan mereka mengadakan berhala-berhala yang banyak di Tanah Arab. `Amru bin Luhay, ketua Bani Khuza`ah merupakan pelopor kepada penyembahan berhala dalam masyarakat Arab apabila dia membawa pulang patung dari Sham yang diberi nama Hubal (al-Azraqi 2003; Ibn Hisham 1996). Penyembahan berhala menular dalam masyarakat Jahiliyah sehingga Masjid al-Haram turut dipenuhi dengan berhala dan patung-patung sembah. Ketika pembukaan kota Mekah, terdapat 360 patung berhala di Masjid al-Haram. Rasulullah s.a.w. memerintahkan semua berhala tersebut dimusnahkan dan dibawa keluar dari Masjid al-Haram (al-Fakihi 1994; al-Jundi 1956). Antara berhala yang disembah oleh masyarakat Jahiliyah ialah Manat, al-Lata dan al-`Uzza (al-Kalbi n.d.; Ma'luf 1986). Mereka menganggap ketiga-tiga berhala itu sebagai anak-anak perempuan Tuhan. Ini dapat dilihat dalam firman Allah S.W.T.

﴿أَفَرَءَيْتُمُ اللَّهَ وَالْعَزَّىٰ ۖ وَمَنْوَةً أَشَالِيَّةً أَلَّا خَرَىٰ ۖ أَكُنْمُ اللَّهُ كَرُولَهُ الْأَنْقَىٰ ۖ تِلْكَ إِذَا قِسْمَةً ضِيزَىٰ ۖ إِنْ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَإِبَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَنٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمُ الْهُدَىٰ ۖ﴾

“Apakah patut kamu (wahai kaum Musyrikin) menganggap al-Lata, al-`Uzza dan Manat yang ketiga yang paling kemudian, apakah patut untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah S.W.T. anak perempuan? Yang demikian itu tentulah suatu pembahagian yang tidak adil. Itu tidak lain

melainkan nama-nama yang kamu dan bapa-bapa kamu sebut, yang Allah S.W.T. tidak turunkan tentangnya (untuk menyembah). Mereka hanya menuruti sangkaan dan menurut apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka, padahal sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk dari Tuhan mereka.”

Kadang-kala pula mereka menjadikan berhala itu sekutu bagi Allah S.W.T. dengan menganggap Allah S.W.T. lebih tinggi. Walaupun masyarakat Arab Jahiliah sudah meninggalkan ajaran sebenar Nabi Ibrahim a.s., namun mereka masih menghormati Kaabah dan melakukan tawaf, menunaikan haji dan umrah, wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah serta melakukan ibadah korban. Ibadah yang mereka lakukan adalah rekaan terhadap agama hasil dari campur aduk dengan adat resam dan hawa nafsu. Masyarakat Arab Jahiliyyah telah mengubah pelaksanaan haji (Manasik al-Hajj) yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. Baginda memelihara kesucian Baitullah dari dicemari oleh berhala, patung sembahana dan kotoran yang zahir serta kotoran maknawi seperti mengeluarkan kata lucah, bertelingkah dan sebagainya ketika melaksanakan ibadah haji seperti tawaf, sa`ie dari Safa ke Marwah (al-Zuhayli 1991).

PELAKSANAAN IBADAH HAJI ZAMAN PRA ISLAM (JAHILIYYAH)

Dalam pelaksanaan haji, ada beberapa konsep dan ibadat akan dibincangkan. Antaranya ialah bulan haji, talbiah, tarwiyah, ihram, wuquf, Muzdalifah, tawaf, sa’ie, korban, melontar Jamrah, Kaabah dan maqam Ibrahim.

Bulan Haji

Masyarakat Jahiliyyah memulakan ibadah haji mereka dengan keluar beramai-ramai menuju ke `Ukkaz bila masuknya bulan Zulqaedah. `Ukkaz ialah salah satu nama pasar masyarakat Arab yang lokasinya berhampiran dengan kota Mekah (Ibn Manzur n.d.). Tradisi masyarakat Jahiliyyah ialah mereka berkumpul di pasar `Ukkaz, Zulmajaz dan Majannah yang terletak di Mina (al-Hamwi n.d.; Abu Khalil 2009). Qabilah Quraysh dan qabilah yang lain tidak akan mengunjungi ketiga-tiga pasar ini kecuali dalam keadaan berihram haji sahaja (al-Azraqi 2003). Mereka berada di `Ukkaz selama dua puluh malam. Mereka berkumpul di `Ukkaz kerana urusan perniagaan dan memperkembangkan seni budaya mereka. Mereka menyampaikan sajak dan syair serta berbangga dengan kelunakan bahasa, balaghah dan kefasihan berbicara. Topik syair mereka berkisar tentang kebanggaan terhadap keturunan, nasab, kedudukan dan darjah keluarga (al-Mubarakfuri, 1976). Setelah selesai 20 malam di `Ukkaz, mereka beredar ke Majannah dan tinggal di situ selama sepuluh hari (Ibn Manzur n.d.). Apabila masuk bulan Zulhijjah mereka beredar menuju ke Zulmajaz dan berada di sana selama lapan malam (al-Hamwi n.d.).

Masyarakat Jahiliyyah mengubah masa atau bulan untuk melaksanakan haji mengikut sesuka hati mereka. Mereka namakan perubahan masa itu dengan al-Nasa’ah. Masyarakat Jahiliyyah menamakan bulan Muharram dengan Safar al-Awwal dan bulan Safar dengan nama Safar al-Akhir. Mereka mengatakan Safran (dua bulan Safar), dua bulan Rabi`i, Jamadayn, Rajab, Sya`ban, Ramadhan, Syawal, Zulqaedah dan Zulhijjah. Mereka mengamalkan al-Nasa’ah pada satu tahun, manakala tahun berikutnya mereka meninggalkannya. Mereka

menghalalkan bulan-bulan yang diharamkan (Shahr al-Hurum: Muhamarram, Rajab, Zulqaedah dan Zulhijjah) dengan mencetuskan permusuhan dan peperangan serta mengharamkan bulan-bulan yang halal.

﴿إِنَّمَا الْنَّسِيْءُ زِيَادَةً فِي الْكُفُّرِ يُضَلُّ بِهِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُحِلُّونَهُ عَامًا وَيُحَرِّمُونَهُ عَامًا لَّيُوَاطِّءُ وَوَاعِدَةَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فَيُحِلُّوْ مَا حَرَّمَ اللَّهُ زُيَّنَ لَهُمْ سُوءٌ أَعْمَلُهُمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ﴾^{٤٧}

“Sesungguhnya mengundur-gundurkan bulan haram itu adalah menambah kekafiran, disesatkan orang-orang yang mengundurkan-gundurkan itu, mereka menghalalkannya pada satu tahun dan mereka mengharamkan pada satu tahun yang lain, agar mereka dapat menyesuaikan dengan bilangan yang Allah S.W.T. mengharamkannya, maka mereka menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah. S.W.T. (Syaitan) menjadikan mereka memandang baik perbuatan mereka yang buruk itu. Dan Allah S.W.T. tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.”

Menurut Al-Kalbi, orang yang mula-mula mengubah bulan-bulan haji ialah Malik bin Kinanah dan yang terakhir mengamalkannya ialah Abu Thumamah Junadah bin `Auf bin `Abd bin Fuqaym. Satu ketika di zaman Saidina `Umar, Abu Thumamah menemui orang ramai dan pergi ke rukun Hajar Al -Aswad. Apabila ramai orang menyedari kehadirannya, lalu mengerumuninya dan dia berkata, “Wahai sekalian manusia, aku baginya (Aku yang memiliki bulan-bulan haji) maka hendaklah kamu melewatiinya (melambatkannya). Maka `Umar memukul lelaki itu dengan cemetinya lantas berkata, “Wahai Arab Badawi, sesungguhnya Allah S.W.T. telah menghilangkan kemegahanmu dengan Islam” (al-Azraqi 2003).

Talbiah

Pada mulanya orang Arab juga mentauhidkan Allah S.W.T. dalam talbiah mereka, kerana ia adalah baki daripada agama Nabi Ibrahim a.s. Lafaz talbiah yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim a.s. adalah sama dengan lafaz yang diucapkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. (Ibn Diya' 2004) iaitu,

فَأَهْلَ بِالْتَّوْحِيدِ لَبِيكَ اللَّهُمَّ لَبِيكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِيكَ إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

“Lalu Baginda melaungkan seruan tauhid yang bermaksud: “Aku menyahut seruan Mu yang tiada sekutu bagi Mu. Segala pujian, nikmat dan pemerintahan hanya milik Mu yang tiada sekutu bagi Mu. ”. (Muslim)

Namun syaitan memasukkan sekutu dalam talbiah mereka selepas Amru bin Luhayy bin Khanzaf bin Qum`ah Al-Khuza`ie yang membawa berhala dan memperkenalkan talbiah syirik kepada penduduk Mekah yang di bawa dari Sham (al-Dusuri 2001). Bahkan setiap qabilah mempunyai lafaz talbiah yang berbeza-beza. Mereka melafazkan lafaz talbiah ketika

melakukan tawaf dan wukuf. Berikut adalah dua contoh talbiah, iaitu talbiyah Bani Kinanah dan Bani Tamim (Atar n.d.).

i. Talbiah Bani Kinanah

Ya, Kami menyambut seruanMu pada hari yang masyhur Hari untuk berdoa dan berwukuf.
Berpagi-pagi berdoa menghadapnya dan menumpahkan darah(korban)

ii. Talbiyah Bani Tamim

Demi Allah S.W.T. tiadalah usia muda tanpa Mu

Senantiasa menghampiriMu dengan melimpahnya darah korban Bani Ghafar yang berpaling dari Engkau

Manusia melepaskan diri dari Engkau dan melakukan maksiat kepada Engkau

Kesemua talbiyah Jahiliyyah ini menunjukkan mereka masih beriman dengan Allah S.W.T., namun mereka juga melakukan kesyirikan kepada Allah S.W.T. Ini menyebabkan penyembahan berhala dan patung menjadi simbol agama masyarakat Jahiliyyah. Dalam masa yang sama, mereka menyangka mereka adalah pengikut Nabi Ibrahim a.s. (al-Mubarakfuri 1976).

Hari Tarwiyah

Hari Tarwiyah ialah hari kelapan Zulhijjah. Pada hari tersebut, orang Arab Jahiliyyah berangkat menuju ke Arafah dari Zulmajaz. Mereka menamakan hari kelapan Zulhijjah dengan nama tarwiyah yang memberi maksud "mengumpul air", iaitu mengumpulkan air di Zulmajaz kerana sumber air tiada di Arafah dan Muzdalifah. Hari Tarwiyah merupakan hari terakhir pasar-pasar mereka dibuka pada musim haji. Mereka tidak berurus niaga pada hari Arafah (9 Zulhijjah) dan hari-hari Mina (hari Tasyrik).

Arab Jahiliyyah mengetahui bahawa haji merupakan amalan suci untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Mereka menjalankan urus niaga sebelum berlangsungnya kemuncak ibadah haji kerana mereka mengetahui bahawa hubungan manusia semasa transaksi perniagaan tidak sunyi dari penipuan, jual beli yang melibatkan riba dan perkara yang mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Justeru itu, mereka meyakini bahawa dosa-dosa mereka semasa aktiviti perniagaan berlangsung akan terhapus atau dikurangkan dengan melaksanakan ibadah haji (Atar n.d.). Bila datangnya Islam, Allah S.W. T .menghalalkan berjual beli dan bermuamalat semasa musim haji sebagaimana firmannya yang bermaksud:

﴿لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبَتَّعُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ إِذَا أَفْضَلْتُمْ مِنْ عَرْقَتِ فَإِذْ كُرُوا إِلَهًا عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ﴾

وَأَذْكُرُوهُ كَمَا هَذِهِكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩٨﴾

Tiada dosa bagimu untuk mencari kurniaan (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu. Apabila kamu bertolak ke Arafah, maka berzikirlah kepada Allah S.W.T. di Mash`ar al-Haram ...

Ihram dan Pantang Larang

Pada zaman Jahiliyyah dan di awal kedatangan Islam, apabila mereka berihram haji atau umrah, mereka tidak akan memasuki taman, rumah dan tempat-tempat lain melalui pintunya kecuali bagi golongan Hums. Hums ialah gelaran pada satu kelompok yang dianggap bersemangat, berani dan amat berpegang dengan agama. Mereka terdiri dari qabilah Quraysh, Kinanah, Khuz`ah, Thaqif, Khath`am, Bani `Amir bin Sa`sah dan Bani Nasr bin Mu`awiyah (al-Azraqi 2003; al-Qurtubi 1994). Arab Jahiliyyah juga masuk dan keluar melalui pintu belakang. Sebahagian daripada mereka menebuk lubang pada dinding rumah mereka untuk keluar dan masuk ketika dalam ihram (al-Azraqi 2003). Sebahagian yang lain pula menggunakan tangga untuk masuk melalui atap dan keluar melalui pintu belakang. Mereka tidak masuk dan keluar dari rumah melalui pintu melainkan setelah bertahallul dari ihramnya. Mengikut kepercayaan mereka, memasuki rumah melalui pintu adalah dicela kerana jika ia tidak dipatuhi akan mendatangkan sial. (al-Zuhayli 1991). Al-Qur'an telah menegah perbuatan tersebut melalui firman Allah S.W.T.yang bermaksud:

﴿يَسْءُلُونَكَ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هَيْ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجَّ وَلَيْسَ الْبَرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبَرَّ مَنِ اتَّقَىٰ وَأَتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَأَتَقْفَوْا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴾١٩٨﴾

“Dan bukanlah kebijakan itu memasuki rumah-rumah melalui belakangnya. Akan tetapi kebijakan itu ialah kebijakan orang bertaqwa. Dan masuklah ke dalam rumah-rumah itu dari pintu-pintunya; dan bertaqwalah kepada Allah S.W.T. agar kamu beruntung”

Bagi golongan Hums, ada beberapa larangan yang dikenakan terhadap mereka, iaitu tidak dibenarkan memakan keju dan lemak ketika berihram, tidak boleh memasuki rumah yang diperbuat dari bulu dan tidak boleh berteduh melainkan di rumah-rumah yang dihuni oleh manusia selama mana berihram (Ibn Hisham n.d.). Manakala mereka yang bukan dari golongan Hums (bukan penduduk Mekah), iaitu al-Hullah dan al-Tulsi. Al-Hullah ialah qabilah yang tinggal luar Tanah Haram (Tanah Halal), iaitu qabilah Tamim bin Murr, Mazin, Dabbah, Humays, Za`anah, al-Ghawth bin Murr, Qis `Aylan , `Amir bin Sa`sah, Rabi`ah bin Nizar, al-Ansar, Khath`am, Bajilah, Bakr bin `Abd Manah, Hudhiyl bin Mudrikah, Asad, al-Ta`iyy dan Bariq (Jawad 2001). Al-Tulsi pula ialah qabilah yang berasal dari Yaman, iaitu dari Hadramaut.

Golongan tersebut digelar al-Tulsi kerana datang dari tempat yang jauh dan kebiasaannya mereka tawaf dalam keadaan kepala mereka dipenuhi debu (al-Baghdaadi n.d.). Bagi golongan al-Hullah dan al-Tulsi ini, ketika berihram mereka dibenarkan memakan keju dan lemak, memakai pakaian yang diperbuat dari bulu, menyapu minyak di badan dan berteduh

di bawah khemah. Namun mereka tidak dibenarkan memakan makanan yang dibawa dari Tanah Halal ketika melaksanakan umrah dan haji (al-Mubarakfuri 1976). Pakaian yang dipakai semasa ihram itu dinamakan dengan al-Laqqā. Al-Laqqā itu dibuang di pintu-pintu masuk Masjid al-Haram dan tiada siapa dibenarkan untuk mengambil atau menyentuhnya. Ia dibiarkan reput dan musnah dibawah sinaran cahaya matahari, hujan atau dipijak oleh manusia (al-Azraqi 2003).

Wuquf

Masyarakat Arab Jahiliyyah yang terkenal dengan perkauman yang menebal dan hidup berpuak-puak (Asabiyah) turut mengamalkan diskriminasi dalam soal beribadah. Golongan Hums keluar ke kawasan persempadan Tanah Haram melalui Namirah untuk berwuquf. Mereka tidak berwukuf di Arafah seperti yang sepatutnya. Sebaliknya berwuquf di Jam` supaya dilihat berbeza dengan golongan biasa.

ويفيض الحمس من جمع

”Al-Hums berwukuf di Jam` (Muzdhalifah)”

(al-Bukhari n.d.; Muslim n.d.)

Sikap sompong dan megah dengan keturunan menghalang mereka untuk menuruti para Nabi terdahulu yang berwukuf di Arafah. Ini dibuktikan di dalam sabdaan Nabi s.a.w. yang bermaksud:

خير الدعاء دعاء يوم عرفة وخير ما قلت انا والنبيون من قلبي لا إله الا الله وحده لا شريك له لا الملك ولا الحمد
وهو على كل شيء قادر

Sebaik-baik doa ialah doa pada hari Arafah dan sebaik-baik pertuturanku (doa) dan para Nabi sebelumku,” Tiada Tuhan Selain Allah S.W.T., Dialah Tuhan Maha Esa. Dia tidak memiliki sekutu.Hanya milikNya segala kerajaan, MilikNya segala pujian. Dan Dia atas segala sesesuatu Maha Berkusa”

(al-Albani 1966)

Manakala golongan al-Hullah dan al-Tuls, mereka memasuki Arafah melalui Zulmajaz. Ketika mentari hampir terbenam, golongan Hums bertolak dari sempadan Arafah melalui Namirah menuju ke Muzdalifah. Manakala pada waktu yang sama, golongan Hullah dan al-Tulsi meninggalkan bumi Arafah menuju ke Muzdalifah. Ketiga-tiga golongan ini akan bertemu dan berkumpul di Muzdalifah, iaitu di Bukit Quzah. Perbuatan meninggalkan Arafah menuju Mina dinamakan al-Ifadah atau al-Ijazah. Mereka meninggalkan Arafah dalam keadaan tergesa-gesa dan saling berlumba-lumba untuk mengatasi antara satu sama lain (Ibn Hisham n.d.).

Muzdalifah

Sebaik sahaja tiba di Muzdalifah, ketua-ketua qabilah dari golongan Hums, al-Hullah dan al-Tuls akan menyalaikan api di Bukit Quzah. Tujuan dinyalakan api tersebut ialah untuk memberi pandu arah kepada mereka yang menunaikan haji meredah kegelapan malam untuk ke Muzdalifah. Tradisi menyalaikan api di Bukit Quzah berterusan sehingga ia dihapuskan dengan kedatangan Islam. Menurut al-Azraqi (2003) menyatakan bahawa orang yang mula-mula menyalaikan api di Bukit Quzah ialah Qusay bin Kilab. Sepanjang malam berada di Muzdalifah, mereka bertalbiyah dan berdoa sehingga terbit matahari pada hari 10 Zulhijjah. Sebagaimana sikap mereka yang tergesa-gesa ketika ingin berangkat meninggalkan Arafah, begitulah yang dilakukan ketika ingin meninggalkan Muzdalifah. Sebahagian mereka yang tidak sabar menanti saat matahari terbit pada 10 Zulhijjah untuk berangkat meninggalkan Muzdalifah, akan mengulang-gulang ungkapan seakan-akan doa, iaitu :-

ashraq thibir kima nabi

” Terbitlah Thabit, hingga kami meninggalkannya”

Amalan Arab Jahiliyyah di Muzdalifah ini, ternyata amat berbeza dengan praktikal haji Rasulullah s.a.w. yang meninggalkan Muzdalifah setelah mentari terbenam dalam keadaan tenang. Perbuatan tergesa-gesa meninggalkan Arafah dilarang oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Ibn`Abbas ,

أيها الناس عليكم بالسکينة فإن البر ليس بالإیضاع

” Baginda bersabda ” Wahai manusia, bertenanglah..., sesungguhnya kebaikan itu bukanlah dengan cara bergegas dan gopoh gapah.”

(al-Bukhari n.d.)

Ibn Hajar menyatakan bahawa berjalan dengan laju dalam perjalanan bukanlah perkara yang baik dan perbuatan tersebut tidak akan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. (al-Asqalani 1993). Sebaik sahaja tiba di Muzdalifah, Rasulullah s.a.w. dan para sahabat menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara jamak ta'khir serta qasar. Setelah itu, Baginda terus tidur untuk merehatkan badan. Baginda akan meninggalkan Muzdalifah sebelum matahari terbit. Nabi s.a.w. telah memberi tunjuk ajar pelaksanaan haji yang bertepatan dengan amalan haji Nabi Ibrahim a.s., iaitu berwuquf di Arafah bermula dari gelincir matahari 9 Zulhijjah dan berangkat ke Muzdalifah apabila terbenam matahari. Manakala berwuquf (bermalam) di Muzdalifah bermula dengan terbenam matahari dan berangkat ke Mina sebelum matahari terbit.

Tawaf

Ketika melakukan tawaf, sebahagian daripada mereka berpakaian dan sebahagian yang lain bertawaf dalam keadaan telanjang. Mereka menjadikan amalan haji sebagai musim perayaan untuk berhala-berhala mereka (Awadhah 2003). Bani `Amir ialah antara golongan al-Hullah yang tawaf dalam keadaan telanjang (Jawad 2001). Kaum lelaki melakukan tawaf di waktu siang, manakala golongan wanita pula pada waktu malam. Mereka yang bukan penduduk asal Mekah tidak dibenarkan memulakan tawaf melainkan dengan pakaian al-Hums (al-Azraqi 2003). Sekiranya mereka tidak memperoleh pakaian tersebut dengan cara menyewa atau meminjam, mereka dikehendaki tawaf dalam keadaan telanjang bagi lelaki. Manakala bagi wanita, mereka menanggalkan semua pakaian mereka kecuali bahagian yang menutup kemaluan sahaja (Ibn Hisham n.d.). Manakala golongan yang bertawaf dengan berpakaian pula, mereka tidak dibenarkan memakai pakaian tersebut atau mengambil manfaat daripadanya selepas selesai berihram. Sebaliknya pakaian tersebut dibuang di pintu-pintu masuk Masjid al-Haram. Diskriminasi ini telah dihapuskan setelah kedatangan Islam, melalui firman Allah S.W.T. dan sabdaan Nabi s.a.w. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

﴿يَنْبَغِي لِّإِدَمْ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوْا وَأَشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

“Wahai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah di setiap (memasuki) masjid. Makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan”

Sabda Nabi s.a.w.

وَلَا يَطُوفُ بِالْبَيْتِ عَرِيَانٌ

“Bahawa tidak dibenarkan orang Musyrik menunaikan ibadah haji selepas tahun itu dan tidak boleh melakukan tawaf dalam keadaan telanjang”.

(al-Bukhari n.d.; al-Tirmidhi n.d.)

Sa`ie

Pensyariatan Sa`ie ialah memperingati perjuangan Siti Hajar, isteri Nabi Ibrahim yang berulang alik dari Safa ke Marwah kerana mencari air. Sa`ie di antara Safa dan Marwah juga di lakukan di zaman Jahiliyyah dalam ibadah haji mereka. Mereka meletakkan dua patung, iaitu Isaf di Safa dan Na’ilah di Marwah (al-Fakihi 1994). Namun begitu, menurut al-Azraqi (2003), patung yang diletakkan di Safa diberi nama Nuhik Mujawad al-Rih, manakala di Marwah diletakkan patung bernama Mut`im al-Tayr. Patung-patung itu diletakkan di laluan Sa`ie kerana mengingati peristiwa yang berlaku kepada pasangan zina yang bernama Isaf dan Na’ilah (Ibn Hisham n.d.). Pasangan ini telah berzina di dalam Kaabah dan bertukar menjadi batu. Pada

permulaannya kedua-dua patung ini diletakkan di Safa dan Marwah untuk dijadikan pengajaran akibat perbuatan terkutuk itu, namun setelah sekian lama beredar, ia pula dijadikan sembahana selain Allah S.W.T. Masyarakat Jahiliyyah apabila bersa`ie, mereka akan mengusap-usap patung itu (al-Qurtubi 1994; al-Kasani 2003; Sayyid Qutb 1995) sambil mengucapkan ucapan yang menggambarkan kegembiraan mereka dengan amalan sa`ie tersebut (al-Fakihi 1994).

Korban

Mina dari segi bahasa bermaksud “tumpahan darah binatang yang disembelih”. Ini menjelaskan bahawa Mina adalah saksi abadi kepada peristiwa bersejarah penyembelihan Isma`il oleh Nabi Ibrahim a.s. dan peristiwa bermulanya amalan korban dalam Islam. Ini adalah kerana ia merupakan satu bentuk kepatuhan dan ketundukan kepada perintah Allah S.W.T. sekalipun perintah tersebut menyuruh untuk menyembelih anak kandung sendiri sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. Firman Allah S.W.T.:

﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ الْسَّعْيَ قَالَ يَبْنُيَ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَأْبَىٰ أَفْعُلُ مَا تُؤْمِرُ سَتَحْدِنِي
إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الْصَّابِرِينَ ﴾^{۱۰۲}

Al-Safat 37:102- 107

“Maka tatkala anak itu sampai (umur) berusaha bersama-sama Ibrahim, Ibrahim berkata,” Hai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!” Dia menjawab: Wahai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, in sha’ Allah, kamu akan mendapatkan termasuk orang-orang yang sabar”

Apabila mereka sampai di Mina pada pagi 10 Zulhijjah, mereka terus melakukan penyembelihan korban. Upacara korban bermula pada waktu pagi hingga waktu senja. Dalam melaksanakan ibadah korban, orang Arab menyembelih binatang untuk berhala mereka yang dinamakannya al-`Itr dan al-`Itrah (al-Razi 1995; al-Shawkani 1992). Manat juga merupakan berhala yang paling dihormati di kalangan `Aus dan Khazraj. Mereka memuja berhala ini, menyembelih korban di sekelilingnya dan memberi hadiah kepadanya. Mereka tidak makan binatang sembelihan dan tidak membahagikannya kepada fakir miskin tetapi meninggalkannya berdekatan dengan Kaabah. Mereka menyapu dan melumurkan darah korban di dinding-dinding Kaabah. Bukan itu sahaja, mereka turut mencukur kepala untuk bertahalul haji di sisi berhala (al-Kalbi n.d.).

Manakala bagi golongan Tulsi, sebelum mencukur rambut, mereka menyapu adunan tepung gandum atau kacang putih yang dikisar dengan gula ke atas kepala dan seterusnya mereka mencukur rambut yang disapu dengan adunan tersebut. Adunan tepung gandum atau kacang putih yang gugur daripada kepala mereka akan diberikan kepada fakir miskin (al-Zubaydi 1984). Ada yang bercukur sepenuhnya dan ada pula yang bercukur sebahagian sahaja.

Sebaliknya Rasulullah s.a.w. mencela dan melarang perbuatan al-qaza` , iaitu mencukur sebahagian rambut kepala dan membiarkan yang lainnya (al-'Asqalani 1993).

Melontar Jamrah

Selesai melaksanakan sembelihan korban, mereka melontar di tempat yang dinamakan dengan Al-Muhqa`ab dan Al-Jimar. Mereka tidak melakukan lontaran kecuali bila mentari berada di ufuk Barat (Ibn Hisham n.d.). Mereka melontar dengan menggunakan batu-batu yang besar dengan tujuan untuk menjadikan tanah disitu tidak sesuai untuk bercucuk tanam. Manakala pelaksanaan melontar di dalam Islam, hanya menggunakan anak batu atau kerikil kecil untuk melontar. Rasulullah s.a.w. menegah perbuatan melontar dengan menggunakan batu yang besar yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan kepada jemaah haji yang lain (Abu Dawud n.d.; al-Asqalani 1993; al-Albani 1966).

Dalam amalan haji Arab Jahiliyyah, mereka dianggap telah bertahalul atau keluar dari ihram haji apabila telah selesai melaksanakan korban dan melontar di Mina. Ini bermaksud bahawa mereka telah selesai melakukan ibadah haji selepas terbenam matahari pada 10 Zulhijjah. Selepas itu, mereka bergerak menuju ke Mekah untuk melakukan tawaf sebelum pulang ke tanah air masing-masing. Mereka tinggal di Mekah selama tiga hari yang dinamakan hari Tashriq. Dinamakan hari Tashriq sempena dengan daging korban yang dijemur di bawah cahaya matahari. Walaupun mereka mengambil berat tentang hari Tashriq ini, namun ia tidak termasuk di dalam rukun atau perkara yang diwajibkan dalam haji mereka (Ibn Hisham n.d.).

Tradisi masyarakat Jahiliyyah apabila mereka selesai menunaikan haji, mereka berkumpul untuk bersyair dan bermadah dengan tujuan untuk berbangga dan bermegah dengan keturunan nenek moyang mereka (al-Qurtubi 1994). Apabila datangnya Islam, Allah S.W.T. memerintahkan orang Islam mengubah dari memuji enek moyang kepada menyebut madah pujian, kesyukuran dan keagungan hanya untuk Allah S.W.T. Amalan ibadah haji diakhiri dengan tawaf Wada' , iaitu (tawaf selamat tinggal). Sepanjang melaksanakan tawaf, digalakkan banyak berzikir dan berdoa. Allah S.W.T. memerintahkan untuk memperbanyak zikir setelah selesai menunaikan ibadah haji sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

﴿فَإِذَا قَضَيْتُم مَنِسِكَكُمْ فَأْذُكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرَكُمْ إِبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا إِعَاتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلِيقٍ ...﴾

“Apabila kamu telah menyelesaikan ibadah hajiMu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati berzikirlah Allah S.W.T. (dengan membesarinya). Sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji

dan memuja) nenek moyang kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada antara manusia (berdoa dengan) berkata,” Wahai Tuhan kami, berikanlah kami kebaikan di dunia (orang-orang ini diberikan kebaikan dunia) dan tiada baginya kebaikan di akhirat”

Kaabah dan Maqam Ibrahim

Masyarakat Jahiliyyah bukan sahaja mengubah bentuk pelaksanaan ibadah haji yang dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim, bahkan mereka turut mengubah fizikal dan reka bentuk asal Kaabah yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. Kaabah pada binaan asalnya mempunyai dua pintunya di atas tanah dan tidak mempunyai atap. Manakala lokasi Hijr Isma`il berada di dalam Kaabah (al-Asqalani 1993). Perkara ini didebakkan di dalam hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهَا يَا عَائِشَةَ لَوْلَا أَنْ قَوْمَكَ حَدَّثَ عَهْدَ بِجَاهْلَةٍ لَامْرَتُ بِالْبَيْتِ فَهَدَمْتُ فَأَدْخَلْتُ فِيهِ مَا أَخْرَجْتُ مِنْهُ وَأَلْزَقْتُهُ بِالْأَرْضِ وَجَعَلْتُ لَهُ بَابَيْنِ بَابًا شَرْقِيًّا وَبَابًا غَربِيًّا فَبَلَغَتْ بِهِ أَسَاسُ إِبْرَاهِيمَ

Nabi s.a.w. bersabda: “Wahai `Aishah, kalau bukan kerana kaum engkau masih dalam peralihan dari zaman Jahiliyyah, akan aku perintahkan mereka memperbaiki Kaabah dengan memasukkan apa -apa yang sekarang berada di luar (Hijr Isma`il), dan akan aku rendahkan pintunya sampai ke tanah. Juga akan aku buat dua buah pintu, sebuah di sebelah Timur dan sebuah lagi di sebelah Barat. Dengan itu, aku menuruti apa yang diasaskan oleh Nabi Ibrahim.” (al -Bukhari n.d.; Muslim n.d.)

Rasulullah s.a.w. turut memberi panduan kepada `Aishah sebagai ganti untuk solat di dalam

Kaabah dengan cukup bersolat di dalam kawasan Hijr Isma`il.

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ كُنْتُ أَحَبُّ أَنْ أَدْخُلَ الْبَيْتَ فَأَصْلَيَ فِيهِ فَأَخْذَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْدِي فَأَدْخَلَنِي فِي الْحَجَرِ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَدْتَ دُخُولَ الْبَيْتِ فَإِنَّمَا هُوَ قَطْعَةٌ مِنَ الْبَيْتِ فَإِنْ قَصَرُوا حِينَ بَنُوا الْكَعْبَةَ فَأَخْرَجُوكُمْ مِنَ الْبَيْتِ

Aishah berkata: Aku suka dan ingin memasuki Kaabah serta solat di dalamnya. Lantas Rasulullah s.a.w memimpin tanganku memasuki Hijr Isma`il. Lalu Baginda bersabda; “Solatlah kamu di Hijr Isma`il apabila ingin masuk ke dalam Kaabah kerana ia sebahagian daripada Kaabah. Sesungguhnya kaummu telah memendekkannya ketika pembinaan Kaabah dan mereka mengeluarkannya (Hijr Isma`il) dari Kaabah

(Abu Dawud n.d.; al-Tirmidhi n.d.; al-Albani 1966)

Sejarah pembinaan semula Kaabah bermula apabila seorang perempuan membaling Kaabah dengan batu dan menyebabkan kelambu Kaabah koyak. Ini menyebabkan kelambu Kaabah (kiswah) tersebut saling bertindang antara satu sama lain. Ini menyebabkan dinding-dinding Kaabah senget dan tidak kukuh. Di samping kesan dari banjir yang berulang kali, akhirnya Kaabah runtuh. Peristiwa Kaabah runtuh amat mengejut dan membimbangkan masyarakat Quraysh kerana bimbang ditimpa bala. Mereka membina semula Kaabah dengan menggunakan tiang kayu yang dibeli dari orang Rom apabila kapal mereka pecah dibadai ombak (Ibn al-Diya' n.d.; al-Asqalani 1993).

Dalam proses tersebut, mereka menjadikan pintu Kaabah menjadi satu dan mengangkatnya tinggi dari tanah, mengeluarkan Hijr Isma`il dari bangunan Kaabah serta memasukkan maqam Ibrahim di dalam Kaabah. Pintu Kaabah diangkat untuk memudahkan mereka mengenali siapa yang dibolehkan memasuki Kaabah dan siapa yang tidak dibenarkan masuk ke dalamnya. Tidak dimasukkan Hijr Isma`il ke dalam Kaabah ialah kerana kekurangan kewangan pada waktu itu (al-Asqalani 1993). Rukun Hajar Al-Aswad dan Rukun Yamani, kedua-duanya masih kekal berada di atas qawaид, iaitu asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. Adapun rukun Shami dan rukun `Iraqi, kedua-duanya tidak lagi berada di atas asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s . (al-`Asqalani 1993).

Sebelum ini, jejak tapak Nabi Ibrahim berada di dalam Kaabah tetapi Nabi Muhammad s.a.w. sudah memindahkannya beberapa meter dari tempatnya yang asal dan menjadikannya sebagai tempat untuk solat sunat terutamanya selepas tawaf (Bakdash 1996). Peristiwa ini juga dikaitkan dengan permintaan Umar al-Khattab kepada Rasulullah s.a.w. (al-Bukhari n.d.). Firman Allah

﴿وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِلنَّاسِ وَأَمْنًا وَأَنْجَدُوا مِنْ مَقَامٍ إِبْرَاهِيمَ مُصَلِّي وَعَهْدُنَا إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهِّرَا
بَيْتِي لِلظَّاهِرِينَ وَالْعَكِيفِينَ وَالرُّكْعَ كَعْ السُّجُودِ﴾^{۱۲۰}

“Dan ingatlah, ketika Kami menjadikan rumah itu (Bait Allah) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat aman. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Isma`il: “Bersihkanlah rumahKu untuk orang-orang yang tawaf, yang i’tikaf, yang ruku’ dan yang sujud”

Ketika Ibn Zubayr memerintah Mekah pada 65H, beliau telah membina semula Kaabah dengan bentuk asal pembinaan Kaabah oleh Nabi Ibrahim a.s. Namun, Hajjaj Yusuf Al-Thaqafi, panglima perang di zaman pemerintahan `Abd Al-Malik bin Marwan (Bani `Umayyah) meruntuhkannya dan membina kembali Kaabah seperti zaman Jahiliyyah. Pada zaman Bani `Abbasiyah, Harun Al-Rashid berhasrat untuk meruntuhkan binaan Hajjaj Yusuf Al-Thaqafi dan membina Kaabah yang digagaskan oleh Ibn Zubayr. Hasrat tersebut disampaikan kepada imam Malik. Imam Malik berkata kepadanya; “Wahai Amir Al-Mu`minin, jangan engkaujadikan Kaabah sebagai mainan para raja dan pemerintah”. Mendengar ucapan itu, Harun Al-Rashid membantalkan hasratnya itu. Semenjak peristiwa tersebut, Kaabah kekal dalam bentuknya tanpa mengalami perubahan (al-`Asqalani 1993).

KESIMPULAN

Haji yang pertama dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim ialah pada 20 kurun sebelum Masihi. Tidak lama selepas itu, ibadah haji dicampur-aduk dan disebatikan dengan unsur kesyirikan dan keberhalaan. Keadaan ini mengakibatkan manusia tidak mengetahui ibadah haji yang sebenar sehingga diutuskan Nabi Muhammad s.a.w. Baginda meneruskan legasi Nabi Ibrahim a.s. dan berjasa besar dalam mengembalikan amalan haji atas bimbingan Allah S.W.T. melalui al-Qur'an sehingga pelaksanaan ibadah haji dapat disempurnakan seperti pelaksanaan ibadah haji

Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sebelum itu, masyarakat Jahiliyyah melaksanakan ibadah haji menurut cara tersendiri yang diserapi dengan unsur-unsur syirik dan khurafat.

RUJUKAN

- `Atar, `Abd al-Ghafur (1976), Hajjah al-Nabi Salla Allah` Alayh Wa Sallam Wa Ahkam al-Hajj Wa al-`Umrah Wa al-Diyanat al- `Ukhra. Mekah: Wizarah al-Hajj Wa Awqaf al-Mamlakah al-`Arabiyyah al-Sa`udiyyah.
- ‘Awdah, Salman ` (2003), Rasa’il Ila al-Hajj . Riyad: Maktabah Al-Rushd.
- Abu Dawud, Sulayman bin Ash`ath al-Sajistani al-Azdi (2000), Sunan Abi Dawud. In Mawsu`ah al-Hadith. Riyad: Dar al-Salam.
- Abu Khalil, Shawqi (2009), Atlas al-Hadith al-Nabawiyyah Min al-Kutub al-Sihah al-Sittah Amakin Aqwam. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu’asir.
- Al-`Asqalani Ibn Hajar, Al- Hafiz Ahmad bin `Ali Hajar (1993), Al-Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Azraqi, Abu Al-Walid bin `Abd Allah bin Ahmad (2003), Akhbar Makkah Wa Ma Ja` Fiha Min Al-Athar, Tahqiq: `Abd al-Malik bin `Abd Allah bin Dahish. Mekah: Maktabah al-Asadi.
- Al-Baghdadi, Muhammad bin Hajib bin Umayyah bin `Amru (n.d), Al-Mahbar (Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Al-Bukhari, Imam Muhammad bin Isma`il (2000), Sahih al-Bukhari dalam Mawsu`ah Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Dusuri, `Abd al-Rahman Muhammad (2001), Al-Hajj; Ahkamuh Asraruh Manafi`uh.Riyad: Dar Ishbiliya.
- Al-Fakihi, Muhammad bin Ishaq (1994), Akhbar Makkah Fi Qadim al-Dahr Wa Hadithih, Tahqiq :`Abd al-Malik bin `Abd Allah bin Dahish. Beirut: Dar Khudayr.
- Al-Hamwi, Shihab al-Din Abu `Abd Allah Yaqt bin `Abd Allah (t.t.), Mu`jam al-Buldan, Beirut:Dar Sadir.
- Al-Hisham bin Muhammad al-Sa’ib (n.d), al-Asnam, Tahqiq : Muhammad `Abd al-Qadir Ahmad, Al-Jundi, Muhammad Abd al-Wahab al-Tamimi (1956), Mukhtasar Sirah al-Rasul Salla Allah `Alayh Wa Sallam, Kaherah: Matba`ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas`ud bin Ahmad `Ala’ al-Din (2003), Al-Badai` al-Sana’i`Fi Tartib al-Shara’i`, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah.
- Al-Makki, Baha’ al-Din bin al-Diya’ (2004), Tarikh Makkah al-Musharrafah Wa al-Masjid al-Haram, Tahqiq :`Ala’ Ibrahim & Aiman Nasr, Beirut: Dar al-Kutub `Ilmiah.
- Al-Mubarakfuri, Safiyy Al-Rahman, Al-Rahiq al-Makhtum. Kaherah: Dar Al-Hadith, 1976.
- Al-Nadwi, Abu Hasan `Ali (1977), Madha Khasira al-`Alam bi Inhitat al-Muslimin, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1994), Al-Jami` al-Ahkam al-Qur’an. Kaherah: Dar Al-Hadith
- Al-Razi, Fakh al-Din (1995), Tafsir al-Kabir, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-`Arabi.
- Al-Shawkani Muhammad bin `Ali (1992), Fath al-Qadir al-Jami` Bayn Fann al-Riwayah wa al-Dirayah Min `Ilm al-Tafsir, Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijarah.
- Al-Tirmidhi, Abu `Isa Muhammad bin `Isa bin Surah (2000), Sahih Sunan Al-Tirmidhi. In Mawsu`ah al-Hadith. Riyad: Dar Al-Salam.
- Al-Zubaydi, Muhammad bin Muhammad bin al-Razzaq (1984), Taj al-`Arus Min Jawahir al-Qamus

Kuwait: Tab`ah al-Kuwayt.

Al-Zuhayli, Wahbah (1991), Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Shari`ah Wa al-Minhaj, Damsyik: Dar Al-Fikr.

Bakdash, Sa'id (1996), Fadl al-Hajar al-Aswad Wa Maqam Ibrahim Wa Zikr Tarikhuma Wa Ahkamuhuma al-Fiqhiyyah Wa Ma Yata`alaq Bihima. Madinah: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah.

Ibn `Ali, Jawad (2001), Al-Mufassal Fi Tarikh al-`Arab Qabl al-Islam, Riyad: Dar al-Shaqi.

Ibn Hisham, Abi Muhammad `Abd al-Malik bin al-Mu`afiri (1996), Al-Sirah al-Nabawiyah al-Ma`rufah Bi Sirah Ibn Hisham, ed.ke-1, Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriki al-Misr (n.d), Lisan al-`Arab Beirut: Dar Sadir.

Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Masriyah.

Ma'luf, Luis. (1994), Al-Munjid fi al-Lughah wa al-`Alam, e.d. ke-34, Beirut: Dar al-Mashriq.

Muslim, Imam Abu Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Naysaburi (2000), Sahih al-Muslim, In Mawsu`ah al-Hadith. Riyad: Dar al-Salam.

Qutub, Sayyid (1995), Fi Zilal al-Qur'an, Beirut: Dar Al-Syuruq.